

PERPUSTAKAAN
KOLEKSI KERATAN AKHBAR

Akhbar : NST/NSUT/ST/SST/M.MAIL/SM/BH/BM/UM/MM/UM(J)/UZ/BT/WATAN
TARIKH : MS : RUANG : PERKARA :

UUM / AAG5 / UM / N.D

DIARI
KAMPUS

2,265 graduan UUM terima
ijazah

SERAMAI 2,265 graduan Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menerima ijazah pada majlis konvokesyen ke-9 di Dewan Muadzam Shah, Sintok, pada 10 dan 11 Ogos ini.

Seorang graduan menerima Doktor Falsafah, 130 Sarjana Sains (Pengurusan) dan 2,134 graduan dianugerahi pelbagai sarjana muda.

Pada tahun ini, UUM melahirkan 88 graduan sulung program kembar Sarjana Sains (Pengurusan) antara UUM dengan Institut Aminuddin Baki (IAB) yang bermula pada 1994.

Selain itu, 17 graduan sulung program Sarjana Sains (Pengurusan) dengan kerjasama British Aerospace (BAe) melalui satu konsortium universiti-universiti United Kingdom - diterajui oleh Loughbrough University of Technology (LUT) - juga menerima ijazah mereka.

Daripada 2,134 graduan sarjana muda, sebanyak 799 adalah graduan Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dengan Kepujian, 625 graduan Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian, 415 graduan Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian, 198 graduan Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian dan 97 graduan Sarjana Muda Pentadbiran Awam dengan Kepujian. — MOHD. ZAINI NASRI.